

## **Kenderaan perdagangan wajib pasang CCTV, GPS pada 2020**

---

KUALA LUMPUR 18 Mei - Kementerian Pengangkutan bercadang mewajibkan semua kenderaan perdagangan dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) serta sistem pengesahan global (GPS) dalam usaha mengurangkan jumlah kemalangan di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, cadangan itu akan berkuat kuasa pada 2020 dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.

“Sistem berkenaan sangat berkesan kerana dapat memantau tingkah laku pemandu serta mengesan kelajuan bas dan lori sekali gus dapat mendidik mereka agar mematuhi peraturan di jalan raya.”Ini juga sebahagian daripada usaha kita agar setanding dengan negara Eropah lain yang sudah maju dengan penggunaan teknologi berkenaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Ekspo Kenderaan Komersial Malaysia 2017 (MCVE) di sini hari ini.

Turut hadir Duta Sweden di Malaysia, Dag Juhlin-Dannfelt dan Penganjur Ekspo MCVE, Stefan Pertz. Ekspo MCVE merupakan pameran kenderaan perdagangan terbesar Asia Tenggara yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 20 Mei di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa (MIECC), Seri Kembangan.

---

**SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 8 | 19 MEI 2017**